

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 MAC 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Orang ramai diminta hadkan aktiviti luar	Sinar Harian
2	Negeri-negeri di utara berhadapan cuaca panas lebih tinggi sehingga Mac	Utusan Malaysia
3	Kerajaan sedia hadapi sebarang situasi	Harian Metro
4	Hujan kurangkan bahang El Nino	Harian Metro
5	Cuaca panas diramal beransur baik menjelang April	Bernama.com
6	Brace for hotter days, public told	New Straits Times
7	Planetarium Negara jadi tumpuan saksi gerhana matahari	Kosmo
8	Pesawat polisterin	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (FENOMENA EL NINO) : MUKA SURAT 35
TARIKH: 16 MAC 2016 (RABU)

Orang ramai diminta hadkan aktiviti luar

SHAH ALAM - Orang ramai dinasihatkan supaya mengehadkan aktiviti luar terutamanya bagi warga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif kepada cuaca panas.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan fenomena gelombang haba, iaitu situasi yang boleh membawa risiko kesihatan hipotermia atau strok haba.

Menurutnya, bagi negara ini, paras ambang gelombang haba berlaku apabila suhu tertinggi harian (atau suhu maksimum) sesuatu tempat telah mencapai 35 darjah Celsius untuk lima hari berturut-turut dan ia juga telah melebihi 20 darjah Celsius daripada purata jangka panjang suhu maksimum atau suhu tertinggi harian mencapai atau melebihi 37 darjah Celsius untuk tempoh tiga hari berturut-turut untuk tempat tersebut.

"Menjelang April 2016, cuaca panas dan kering ini dijangka akan berkurangan berikutan bermulanya musim peralihan di mana cuaca akan menjadi lebih lembap dengan kejadian ribut petir pada lewat petang.

"Bagaimanapun, dalam keadaan cuaca sekarang, orang ramai di nasihatkan untuk meminum lebih banyak air dan merujuk kepada pakar kesihatan sekiranya mengalami masalah strok haba," katanya dalam satu kenyataan. Beliau berkata, cuaca panas

yang dialami sekarang adalah fenomena El Nino dan telah menyebabkan keadaan cuaca panas dan kering luar biasa, terutamanya negeri-negeri di utara Semenanjung, Sabah dan Timur Sarawak.

Menurutnya, sehingga 13 Mac yang lalu, suhu tertinggi dicatatkan adalah 38.5 darjah Celsius iaitu di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis.

"Suhu tertinggi yang pernah direkodkan di Malaysia ialah 40.1 darjah Celsius di Chuping, Perlis pada tahun 1998 iaitu semasa kejadian El-Nino kuat pada tahun 1997/1998.

"Dengan itu, tidak mustahil sekiranya suhu maksimum tahun ini mencapai 40 darjah Celsius," katanya.

Menyentuh kejadian Ekuinoks, katanya, ia merupakan kejadian tahunan yang menyebabkan bulan Mac dan April lebih panas berbanding bulan-bulan lain.

"Namun ianya bukanlah penyebab utama kepada keadaan cuaca panas dan kering luar biasa yang dialami sekarang.

"Ekuinoks adalah suatu kejadian astronomi di mana kedudukan matahari berada tepat di atas garisan khatulistiwa dan ianya berlaku dua kali setiap tahun iaitu pada 20 atau 21 Mac dan 22 atau 23 September.

"Tahun ini ekuinoks akan berlaku pada 20 Mac dan 22 September," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 16 MAC 2016 (RABU)

Negeri-negeri di utara berhadapan cuaca panas lebih tinggi sehingga Mac

KUALA LUMPUR 15 Mac - Negeri-negeri di utara Semenanjung dijangka mengalami keadaan cuaca yang lebih panas berbanding kawasan lain sehingga akhir bulan ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail berkata, negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang akan mengalami kesan tersebut disebabkan kedudukan geografi yang dipengaruhi iklim tropika.

Beliau berkata, keadaan cuaca panas itu akan berlanjutan sehingga akhir bulan ini sebelum negara mengalami peralihan angin monsun kepada cuaca lembap dan ribut petir dari bulan April hingga pertengahan Mei ini.

"Kawasan yang lebih utara adalah lebih dekat dengan pengaruh iklim tropika, maka kawasan tersebut akan menerima impak cuaca panas dan kering yang lebih.

"Jadi, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dijangka mengalami cuaca yang lebih panas berbanding negeri-negeri di kawasan tengah dan selatan Semenanjung," katanya ke-

info

SUHU MAKSIMUM 15 MAC

DARJAH CELSIUS

> Alor Setar, Kedah	38
> Chuping, Perlis	37
> Ipoh, Perak	36
> Prai, Pulau Pinang	35
> Melaka	35
> Senai, Johor	34
> Bayan Lepas, Pulau Pinang	33
> Kuala Pilah, Negeri Sembilan	33

tika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam, Chuping, Perlis men-

catatkan suhu tertinggi dengan bacaan 39 darjah Celsius, kesan daripada fenomena El Nino dan angin monsun timur laut yang dialami negara sejak Oktober tahun lalu.

Sebelum ini Alor Setar, Kedah mencatatkan 38.5 darjah Celsius, manakala Kuala Pilah, Negeri Sembilan juga mencatat bacaan yang sama.

Mengulas lanjut, Che Gayah berkata, negara ini akan mengalami peralihan angin monsun barat daya dari pertengahan bulan Mei hingga September yang secara relatifnya adalah musim kering.

"Ketika itu, sekiranya berlaku kebakaran hutan secara besar-besaran di wilayah Sumatera dan Kalimantan, Indonesia, maka negara kita berkemungkinan mengalami jerebu rentas sempadan," jelasnya.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi dalam laman webnya menunjukkan kawasan di negeri-negeri utara mencatat suhu tinggi setakat pukul 4 petang, antaranya di Alor Setar dengan bacaan 38 darjah Celsius, manakala Chuping mencatat bacaan 37 darjah Celsius.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 16 MAC 2016 (RABU)

Kerajaan sedia hadapi sebarang situasi

Kuala Lumpur: Kerajaan kini dalam keadaan bersiaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan berikutan cuaca panas melampau dan gelombang haba yang melanda negara kebelakangan ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan akan mengambil segala langkah berjaga-jaga yang perlu kerana cuaca panas itu boleh mendatangkan bahaya terutama kepada kanak-kanak dan golongan tua.

"Pada masa sama, Kementerian Pendidikan juga akan memantau keadaan dari semasa ke semasa dan sekiranya keadaan panas melampau masih berterusan selepas cuti sekolah minggu ini, kementerian akan memutuskan sama ada sekolah perlu ditutup untuk menjaga kesihatan pelajar.

"Saya memandang berat kesan dan akibat daripada cuaca panas melampau yang melanda negara sejak kebelakangan ini," kata beliau dalam blog NajibRazak.com di sini, semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia sebelum ini

berkata, cuaca panas melampau yang melanda negara mutakhir ini berpunca daripada fenomena El-Nino.

Menurut Ketua Pengarahnya Datuk Che Gayah Ismail, cuaca panas itu dijangka berlanjutan sehingga penghujung bulan ini.

Dalam pada itu Najib berkata, Kementerian Pendidikan buat masa ini memberi kuasa mengikut budi bicara pengetua serta guru besar untuk membatalkan aktiviti luar kelas jika keadaan memaksa.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai sekiranya wujud gejala-gejala penyakit berkaitan cuaca panas dan gelombang haba seperti sakit kepala, ekzema pada kaki, denyutan jantung yang cepat, ruam panas, kekejangan otot atau sakit badan, segera dapatkan rawatan di klinik atau hospital kerajaan yang berdekatan.

NAJIB



KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 16 MAC 2016 (RABU)

Kuala Lumpur

**Hujan
kurangkan
bahang El Nino**

Hujan di beberapa kawasan termasuk sekitar Lembah Klang pada petang semalam sedikit sebanyak membantu mengurangkan bahang panas akibat fenomena El Niño yang melanda negara.

Menurut data yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) di laman sesawang rasmi mereka, suhu tertinggi di semenanjung petang semalam direkodkan di Prai, Pulau Pinang iaitu 27.2 darjah Celsius.

Ia diikuti Petaling Jaya (27 darjah Celsius), Melaka (26.5 darjah Celsius), Chuping (25.7 darjah Celsius) dan Kluang, Johor, 25.5 darjah Celsius.

Selain itu, Kuala Pilah mencatatkan suhu 25.4 darjah Celsius, Alor Star 25.2 darjah Celsius, Ipoh (25 darjah Celsius), Kota Bharu dan Kuantan masing-masing 24.5 darjah Celsius dan Kerteh, 22.9 darjah Celsius.

Begitupun, beberapa negeri di utara dan timur semenanjung dijangka terus mengalami keadaan cuaca kering bulan ini berbanding negeri lain ekoran fenomena berkenaan.



Cuaca Panas Diramal Beransur Baik Menjelang April



KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Cuaca panas melampau dan kering akibat fenomena El Nino ketika ini diramal beransur baik menjelang April ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail

berkata musim peralihan monsun itu akan menyebabkan cuaca di negara ini akan kembali lembap dan mengurangkan suhu panas yang dialami ketika ini.

El Nino yang melanda negara sejak Disember dan Januari lepas merupakan fenomena pemanasan suhu permukaan laut di timur dan tengah Lautan Pasifik kawasan Khatulistiwa yang berlaku setiap dua hingga tujuh tahun, katanya.

Pakar Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Fredolin Tangang pula berkata fenomena El Nino itu kini berada dalam fasa menurun.

"Kita mengalami keadaan panas luar biasa dalam fasa penurunan fenomena ini terutamanya dalam bulan ini," katanya.

Dr Fredolin yang berpengalaman selama 20 tahun membuat kajian berkaitan fenomena itu berkata kawasan utara Semenanjung, utara Sarawak, Sabah dan Selatan Filipina akan mengalami kemarau serta cuaca panas melampau dalam fasa tersebut.

Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) dalam satu kenyataan menyatakan pihaknya tidak menolak kemungkinan suhu maksimum ketika cuaca panas melampau ketika ini boleh mencapai sehingga 40 darjah celsius.

Di daerah Chuping, Perlis pada Isnin misalnya, kawasan itu mencatat suhu tertinggi se-panjang tahun dengan bacaan 39 darjah Celsius.

Bagaimanapun bacaan tersebut belum mengatasi suhu paling panas yang pernah

direkodkan dalam sejarah negara iaitu 40.1 darjah Celcius, juga di Chuping pada 1998.

Menurut kenyataan itu lagi, keadaan cuaca panas ini juga boleh mencetuskan fenomena gelombang haba, iaitu situasi yang boleh membawa risiko kesihatan seperti strok haba.

Sementara itu, bekalan air di semua empangan utama di negara ini masih dalam keadaan terkawal dan bertahan.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Datuk Mohd Ridhuan Ismail berkata pengeluaran dan penggunaan air ketika ini masih di tahap tidak membimbangkan.

"Sehingga kini, kita tidak mempunyai apa-apa perancangan untuk membuat catuan," katanya ketika dihubungi Bernama.

Di SHAH ALAM, kadar takungan air di semua tujuh empangan di Selangor semalam mencatatkan bacaan melebihi 70 peratus.

Menurut statistik di portal Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), empangan Langat mencatatkan kadar takungan air sebanyak 70.16 peratus manakala empangan Sungai Selangor pula pada tahap 86.51 peratus.

Empangan Semenyih pula mencatatkan paras air sebanyak 85.32 peratus; empangan Klang Gates (80.98 peratus); empangan Sungai Tinggi (88.21 peratus); dan empangan Tasik Subang (97.51 peratus).

Bagaimanapun, kolam takungan ORS Sungai Labu menunjukkan paras takungan air sebanyak 57.66 peratus dan empangan Batu pula setakat bacaan pada 11 Mac mencatatkan kadar 83.36 peratus.

Di JOHOR BAHRU, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Ismail Mohamed berkata kerajaan negeri itu telah melaksanakan pelbagai kaedah menghadapi musim panas.

"Antaranya, kita telah dapatkan 'deep well' yang berharga RM1 juta daripada Kementerian Pertanian untuk kegunaan 66 orang petani di kawasan tanaman sayuran yang terbesar di Johor iaitu di Sengkang Batu 18, Bukit Gambir," katanya.

Selain itu, pihaknya turut menggalakkan pengusaha tanaman menggunakan fertigasi dan hidroponik yang dilihat mampu menampung keperluan sayuran musim kemarau secara minimum sekali gus meningkatkan pengeluaran hasil tanaman.

-- BERNAMA

Brace for hotter days, public told

KUALA LUMPUR: Despite scattered rain over the past five days, the worst is yet to come.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said temperatures which have remained high for weeks and even months in some areas, could breach 40° Celsius, close to the hottest day ever recorded in the country at 40.1° Celsius in Chuping, Perlis, 18 years ago.

"The worst-hit areas are Perlis, Kedah and northern Perak, and eastern Sarawak, or Limbang, Miri, and Sabah.

"They suffer the most from the El Nino effect.

"In Langkawi, for example, it has not rained since March 1," she said, adding that afternoon showers over the past five days did not cover those places.

As of 4pm yesterday, Alor Star recorded a temperature of 38° Celsius while Chuping 37° Celsius.

Other towns recorded temperatures from 30° Celsius to 34° Celsius with the exception of Cameron Highlands, which was 22° Celsius, and Petaling Jaya, which recorded 27° Celsius due to the rain.

However, Gayah said the inter-monsoon season, which would take place next month until May or mid-

May, would reduce the heat with its afternoon and evening thunderstorms.

Tenaga Nasional Bhd recorded the highest power usage in peninsular Malaysia with 17,175 megawatts (MW) last Wednesday due to the heatwave.



Datuk Che Gayah Ismail

Meanwhile, the blanket ban on open burning, issued by the Department of Environment (DoE) during haze crisis last year, is still in effect.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said DoE would continue to enforce the ban until the hot spell is over.

"There shouldn't be any open burning at all during the dry spell.

"We will strictly carry out enforcement activities," he said, adding that the 1.62ha forest fire in Sepang was only extinguished yesterday, after four days.

He said under Section 29 (A), Environmental Quality Act 1974, those found guilty of open burning could be fined not more than RM500,000, or sentenced to not more than five years jail, or both.

A maximum compound of RM2,000 could also be imposed on

each offence.

Fire and Rescue Department director-general Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim said the dry spell had exacerbated the risk of fires and wild fires.

"The sun by itself will not start a fire but open burning, which usually starts small can lead to blazes," he said, advising Malaysians to desist from open burning.

In **George Town**, water levels at the state's major dams continued to dip due to the prolonged hot spell.

Checks by the *New Straits Times* at the Air Itam Dam yesterday showed that the water level was at 76.2 per cent, while at the Teluk Bahang Dam it was 72.7 per cent and the Mengkuang Dam 92.9 per cent.

On Feb 16, the water level at the Air Itam Dam stood at 85.3 per cent, while at the Teluk Bahang Dam 79.1 per cent.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa said the state's water level remained stable despite the current dry spell.

"We do not anticipate any problem with the state's water supply.

"However, we cannot be complacent.

"We wish to urge the public to use water wisely so that our supply will remain adequate and not drop to dangerous level," he said.

KERATAN AKHBAR KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 32 & 33 TARIKH: 16 MAC 2016 (RABU)



CERMIN MATA solar 3D digunakan bagi melihat fenomena gerhana matahari separa.



UMAT Islam di seluruh negara turut memunikan solat sunat gerhana matahari.

RONA
alam

Planetarium Negara jadi tumpuan saksi gerhana matahari

FENOMENA gerhana matahari separa boleh disaksikan di semua kawasan di negara ini.

PADA 9 Mac lalu, jutaan penduduk di Asia Tenggara termasuk Malaysia berpeluang menyaksikan fenomena gerhana matahari separa.

Kali terakhir penduduk di negara ini melihat fenomena gerhana matahari separa adalah pada sekitar tahun 2010. Fenomena gerhana matahari berlaku apabila tiga jasad besar di angkasa lepas iaitu Bumi, bulan dan matahari berada dalam kedudukan selari.

Hasil daripada kedudukan yang unik itu, jasad bulan berupaya menutupi matahari mengkilatkan bentuk matahari menjadi tidak bulat seperti biasa dan kelihatan seolah-olah hilang sebahagiannya.

Bagi memberi peluang orang ramai menyaksikan peristiwa tersebut, Agensi Angkasa



KAEDEH Solarscope membolehkan pengunjung melihat pergerakan dan bentuk gerhana matahari separa berlaku.

Negara (Angkasa), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Starfish Instrumen Supply mengagunkan program Gerhana Matahari Separa di Planetarium Negara.

Bagi seorang pengunjung, Siti Adibah Tukiran, 25, dia dan keluarganya sanggup keluar senjak pukul 6 pagi dari Subang Jaya, Selangor kerana ingin menyaksikan fenomena gerhana matahari separa.

"Saya begitu teruja apabila dapat melihat sendiri dengan jelas gerhana matahari separa dengan menggunakan cermin mata solar 3D yang diberikan pihak Angkasa."

"Para pengunjung juga diberi penerangan oleh kakitangan Angkasa berkaitan pencorapan dan proses gerhana bulan berlaku," katanya ketika ditemui di Planetarium Negara, Kuala Lumpur hari-buru ini.

Seorang guru dari Sekolah Kebangsaan Wangsa Maju, Sekyen 10, Yuni Abdullah, 34, berkata, rombongan mereka



GERHANA matahari berlaku apabila kedudukan bulan terletak di antara Bumi dan matahari.

44 orang menyifatkan program tersebut sebagai satu platform untuk mendalami bidang sains.

"Murid-murid yang menyertai program ini terdiri daripada tahun enam dan ia memberi satu pendedahan dan pengalaman berharga untuk mereka."

"Ini kerana, fenomena gerhana matahari ini hanya berlaku empat tahun sekali."

Pengagunkan program ini membolehkan murid-murid melihat dan mendengar maklumat tentang fenomena itu daripada pihak Angkasa," katanya yang merupakan guru Sains.

Pada program tersebut, guru-guru dan pelajar seketor dari beberapa buah sekolah di sekitar Lembah Klang turut hadir. Pihak Angkasa turut menyediakan beberapa buah teleskop untuk tujuan

pencorapan. Kaca mata gerhana Solar 3D diberikan secara percuma kepada 1,000 pengunjung tersebut.

Program tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan dan menambah minat terhadap bidang astronomi dalam kalangan masyarakat Malaysia melalui pengetahuan asas sains.

Fenomena tersebut disaksikan kira-kira 1,900 pengunjung Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Mahidin Tunjung.

Madia berkata, gerhana matahari yang berlaku empat tahun sekali itu diharapkan dapat memupuk minat pelajar mendalami ilmu sains.

"Pengunjung akan memahami lebih jelas proses kejadian gerhana matahari kerana mereka diberikan penjelasan mengenai fenomena itu," katanya.

"Saya begitu teruja apabila dapat melihat sendiri dengan jelas gerhana matahari separa dengan menggunakan cermin mata solar 3D yang diberikan pihak Angkasa - SITI ADIBAH



SEORANG pelajar melihat kejadian fenomena gerhana matahari menerusi teleskop.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SKOR) : MUKA SURAT S5
TARIKH: 16 MAC 2016 (RABU)

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi

Pesawat polisterin

» 30 orang pelajar sertai Bengkel Pembelajaran Robotik dan Inovasi cipta **pesawat kawalan jauh**

Sebanyak 10 buah pesawat kawalan jauh berjaya dicipta 30 orang pelajar yang menyertai Bengkel Pembelajaran Robotik dan Inovasi selama tiga hari yang berakhir di sini; baru-baru ini.

Program julung kali anjuran Institut Penyelidikan Piawaian dan Perindustrian Malaysia (SIRIM) itu berlangsung di Maktab Rendah Sains MARA Langkawi, di sini.

Pesawat diperbuat daripada polisterin hasil ciptaan pelajar terbabit berjaya diterbangkan menggunakan alat kawalan jauh. Ketua Bengkel Sistem Pintar, Pusat Automasi Termaju dan Identifikasi Frekuensi Radio SIRIM, Puan Hasmafatiha Harun, berkata sepanjang tiga hari itu pelajar didedahkan dengan teori berkaitan aeroangkasa, sebelum mereka dibimbing untuk mencipta pesawat kawalan jauh daripada polisterin.

"Saya berpuas hati kerana pada akhir bengkel mereka dapat mencipta 10 pesawat dan mampu diterbangkan menggunakan alat kawalan jauh, termasuk melakukan pelbagai aksi di udara," katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan majlis penutupan bengkel itu.

Dibantu tenaga pengajar berpengalaman

Yang turut hadir ialah Pegawai Pendidikan Daerah Langkawi,



Pesawat kawalan jauh ciptaan pelajar bersedia untuk diterbangkan pada majlis penutupan Bengkel Pembelajaran Robotik & Inovasi di MRSM Langkawi, baru-baru ini.

Encik Marzuki Daud dan beberapa pengetua sekolah sekitar Langkawi yang menyertai bengkel itu.

Puan Hasmafatiha berkata, usaha itu seiring dengan matlamat kerajaan meningkatkan taraf pendidikan dengan mengintegrasikan dunia pendidikan dengan sains, matematik, teknologi dan inovasi.

Beliau berkata, 30 pelajar ter-

babit yang mewakili 10 sekolah menengah dibantu lima tenaga pengajar daripada SIRIM yang berpengalaman dalam bidang elektronik dan pengaturcaraan komputer.

Sementara itu, Marzuki berkata, susulan kejayaan bengkel julung kali itu pihaknya bercadang menganjurkan karnival pesawat kawalan jauh mem-

beritkannya sekolah menengah di daerah Langkawi.

"Seramai 30 orang pelajar yang sudah mahir dalam penciptaan pesawat kawalan jauh ini akan dijadikan jurulatih utama dan mereka ini akan membimbing pelajar lain untuk menghasilkan ciptaan sama."

"Apabila semua bersedia, kita akan anjurkan karnival

secara besar-besaran dengan matlamat menggalak pelajar menceburi aeroangkasa sebagai bidang pengajian selepas tamat sekolah menengah," katanya.



Tiga orang pelajar Maktab Rendah Sains MARA Langkawi menunjukkan pesawat kawalan jauh yang dihasilkan mereka.



Puan Hasmafatiha (kanan) tertarik melihat pesawat kawalan jauh ciptaan pelajar Maktab Mahmud Cawangan Langkawi.

OLYMPIA

KALKULATOR SAINTIFIK
ES-570MS